



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN
BILANGAN 1/1994
BERTARIKAH 28 HARIBULAN MACH 1994

GARISPANDU BAGI PEMBAYARAN KURNIA "ELAUN KHAS"

Dengan hormatnya suacita diperturunkan di bawah ini garispandu bagi pembayaran anugerah Elaun Khas yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Elaun Khas ini tidaklah dapat disariakan seperti pembayaran elau-elau lain dalam perkhidmatan Kerajaan Baginda dan seterusnya pembayaran Elaun Khas ini tidaklah dapat dikaitkan dengan pembayaran gaji secara sepenuhnya.
3. Garispandu yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut :-
 - (a) Elaun Khas tidak akan diberikan kepada mereka yang bercuti tidak bergaji iaitu bagi jumlah hari ianya "cuti tidak bergaji";
 - (b) Bagi mereka yang belajar di luar negeri sama ada secara bergaji atau tidak bergaji (cuti belajar), mereka tidaklah akan dibayar Elaun Khas tersebut;
 - (c) Bagi mereka yang bergaji hari yang mana mereka hadir bekerja tidak kurang dari 20 hari sebulan dan kalau mereka tidak hadir bekerja kerana sakit dengan mendapat sijil cuti sakit dari doktor Kerajaan, mereka akan dapat menerima Elaun Khas sebanyak 100% kadar Elaun Khas sebulan. Sebarang kehadiran yang kurang daripada 20 hari, pembayaran Elaun Khas adalah dibuat mengikut kiraan banyak hari mereka datang bekerja dalam sebulan yang mana pengiraannya dibuat berdasarkan jumlah hari bekerja penuh menurut bulan-bulan tertentu.
 - (d) Bagi pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat iaitu mereka yang memulakan pekerjaan sebelum pertengahan bulan, mereka di bayar Elaun Khas yang penuh, tetapi jika mereka diambil bekerja selepas 15 haribulan, mereka hanyalah dibayar sebanyak 50% daripada kadar Elaun Khas;
 - (e) Bagi pekerja-pekerja ambilan tempatan (Locally Engaged Staff) di Kedutaan-Kedutaan/Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di luar negeri, mereka tidak akan menerima Elaun Khas tersebut;
 - (f) Pegawai yang layak menerima Elaun Khas, akan diberi Elaun Khas dimana sahaja mereka berkhidmat/berugas;



- 2 -

4. Surat Keliling Jabatan Perbendaharaan Bil. 15/1987 adalah dengan ini dibatalkan dan Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai dari 1 Julai 1987.

(Dato Paduka Haji Yakub Abu Bakar)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : KKW/X/17/A/45